

3. PRAKTIKUM PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

Pelaksanaan praktikum bagi pelajar bidang teras Pendidikan Awal Kanak-kanak (PAKK) dilaksanakan di dua tempat latihan berdasarkan kepada keperluan struktur Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO). Pelajar akan menjalani sepenuhnya praktikum 1 di Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) dan praktikum 2 di prasekolah. Pelajar hanya menjalani praktikum bidang teras PAKK sahaja.

3.1 Praktikum TASKA

- i. Praktikum TASKA merupakan latihan praktikum yang dilaksanakan di institusi /agensi /pusat TASKA berdaftar dan menggunakan kurikulum standard TASKA kebangsaan semasa.
- ii. Peruntukan masa bagi praktikum TASKA adalah dua hari penuh setiap minggu sepanjang tempoh 4 minggu praktikum.
- iii. Rutin di TASKA hendaklah dilaksanakan serentak dengan pelaksanaan asuhan dan didikan dua hari penuh. Bilangan hari selebihnya merupakan persediaan pelajar membuat Rancangan Pengajaran Aktiviti (RPA), bahan bantu mengajar, pentaksiran, peranan-peranan lain serta penyesuaian persekitaran TASKA.
- iv. Pelajar dikehendaki menyediakan 2 slot Rancangan Pengajaran Aktiviti (RPA), bersama-sama 2 rutin berdasarkan mana-mana rutin sehari-hari. Pelajar digalakkan menggunakan rutin yang berbeza.
 - Aktiviti rutin,
 - Masa dan tarikh,
 - Tempat,
 - Umur,
 - Objektif,
 - Langkah-langkah pelaksanaan dan
 - Refleksi.
- iv. Pelajar digalakkan membina hubungan perapatan dengan kanak-kanak di TASKA sepanjang tempoh praktikum. Sekiranya perlu, pelajar boleh bertukar kumpulan kanak-kanak mengikut umur, dan hanya dibenarkan selepas separuh daripada jangka masa praktikum.
- v. Pengajaran berpasangan hendaklah dijalankan sekurang-kurangnya 1 kali sepanjang tempoh praktikum 1. Pasangan boleh terdiri daripada rakan praktikum atau pendidik pembimbing.
- vii. Penilaian rakan sebaya dibuat menggunakan borang Lampiran 2-2a (Rekod Pengajaran Berpasangan).

3.1.1 Penempatan

Penempatan pelajar untuk praktikum TASKA ialah di institusi/ agensi/ pusat TASKA berdaftar yang menggunakan kurikulum TASKA kebangsaan semasa/terkini sepenuhnya.

3.1.2 Bilangan Waktu Mengajar/ Interaksi

Pelajar perlu berada di TASKA dua hari penuh setiap minggu sepanjang tempoh praktikum. Jadual pelaksanaan bermula *8.00 pagi hingga *5.00 petang (8 jam)

* Tertakluk kepada jadual di TASKA

Jadual 3.1: Agihan Aktiviti dan Masa

Aktiviti/ Masa	Penilaian Praktikum (Dokumentasi)		Pelaksanaan Didikan dan Asuhan / Peranan-peranan Lain / Pengurusan
	Aktiviti Pembelajaran (RPA)	Pengurusan Rutin	
Masa	1 jam (2 slot)	1 jam	6 jam

3.1.3 Bidang dan Penglibatan Penyeliaan

- Praktikum TASKA PITO PAKK, hanya melibatkan bidang teras sahaja.
- Penyeliaan melibatkan pensyarah penyelia dan pendidik pembimbing dengan semua prosedur pentaksiran dan pemberian markah adalah berdasarkan prosedur induk.
- Dokumentasi untuk bimbingan dan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) menggunakan:
 - (i) Borang PR1/PAKK Bidang Teras
 - (ii) Borang PR2/PAKK Bidang Teras
- Pensyarah penyelia dan guru pembimbing bersama-sama memberikan bimbingan berkaitan aspek-aspek dalam pengurusan sehari penuh di TASKA. Namun, guru pembimbing lebih berperanan dan menumpukan kepada bimbingan. Pensyarah penyelia pula lebih menumpukan kepada penyeliaan.
- Bimbingan secara maya bagi kes khas merujuk kepada penyeliaan secara rakaman sekiranya penyeliaan secara bersemuka tidak dapat dilaksanakan.
- Agihan bimbingan dan penyeliaan secara keseluruhan seperti di Jadual 3.2.

Jadual 3.2: Agihan Bimbingan dan Penyeliaan Praktikum Pelajar Bidang Teras PAKK

	M1	M2	M3	M4		M5	M6	M7	M8	M9	M10
	TASKA					PRASEKOLAH					
PENSYARAH PENYELIA TERAS	LS + B (Bs)		P1 + RPP	PB1		LS + B (bs)		P2	RPP	P3	PB2
GURU/ PENDIDIK PEMBIMBING		B (Bs)		PB			B (Bs)		B (Bs)		PB

Petunjuk :

LS	Lawatan sosial	B (Bs)	Bimbingan bersemuka	P	Penyeliaan
RPP	Rancangan Pertengahan Praktikum	PB	Penyeliaan Bersama		

3.2 Praktikum Prasekolah

- Praktikum Prasekolah dilaksanakan di prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). menggunakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).
- Peruntukan masa praktikum Prasekolah ialah dua hari penuh seminggu merangkumi 3 slot pengajaran pada setiap hari di sepanjang tempoh praktikum.
- Rutin di prasekolah hendaklah dilaksanakan serentak dengan pengajaran dua hari penuh.
- Pengajaran berpasangan hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali (1 slot) sepanjang tempoh praktikum. Penilaian pengajaran berpasangan menggunakan borang Lampiran 2-2a. (Rekod Pengajaran Berpasangan).

3.2.1 Penempatan

Penempatan pelajar untuk Praktikum Prasekolah adalah di prasekolah tempat pelajar bertugas atau di mana-mana prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia yang berdekatan.

3.2.2 Bilangan Waktu Mengajar/ Interaksi

Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) di prasekolah dilaksanakan dua hari penuh setiap minggu sepanjang tempoh praktikum. Pelajar perlu berada di prasekolah setiap hari bermula *8.00 pagi hingga *12.00 tengah hari (4 jam) untuk melaksanakan aktiviti PdP dan pengurusan di prasekolah (8 jam bersamaan dua hari penuh).

Sepanjang tempoh praktikum pelajar perlu mendokumentasikan 3 slot pengajaran merangkumi 2 slot teras dan 1 slot Aktiviti Pembelajaran (AP). Pelajar juga perlu mendokumentasikan 1 slot aktiviti rutin daripada mana-mana aktiviti rutin yang dipilih pada satu hari pengajaran penuh.

*Tertakluk kepada waktu sesi persekolahan mengikut negeri

Jadual 3.3: Agihan PdP dan Masa

Aktiviti/ Masa	Penilaian Praktikum		Pelaksanaan PdP / Rutin / Peranan-peranan Lain
	Aktiviti Pembelajaran (RPA)	Pengurusan Rutin	
Masa	1 jam 30 minit (3 slot)	30 minit	2 jam

3.2.3 Bidang dan Penglibatan Penyeliaan

- Praktikum Prasekolah hanya melibatkan bidang teras sahaja.
- Penyeliaan melibatkan pensyarah penyelia dan guru pembimbing dengan semua prosedur pentaksiran dan pemberian markah adalah berdasarkan prosedur induk.
- Dokumentasi untuk bimbingan dan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) menggunakan:
 - (i) Borang PR1 Bidang Teras/PAKK
 - (ii) Borang PR2 Bidang Teras/PAKK
- Pensyarah penyelia dan guru pembimbing bersama-sama memberikan bimbingan berkaitan aspek-aspek dalam pengurusan sehari penuh di prasekolah. Namun, guru pembimbing lebih berperanan dan menumpukan kepada bimbingan. Pensyarah penyelia perlu lebih menumpukan kepada penyeliaan.

3.3 Ulasan Penyeliaan dalam Bahasa Inggeris

- Penggunaan Bahasa Inggeris (BI) merupakan elemen penting di prasekolah. Tuntutan penggunaan Bahasa Inggeris sebagai medium instruksional dengan nisbah BM:BI 50:50 tercatat dengan jelas dalam kurikulum kebangsaan prasekolah (KSPK) dan 40:30:30 bagi SJKT dan SJKC
- Ulasan penyeliaan perlu dibuat menggunakan Bahasa Inggeris dalam situasi tertentu seperti yang dijelaskan di bawah.

3.4 Pengajaran Tunjang Komunikasi (Bahasa Inggeris)

- Pensyarah penyelia di prasekolah perlu menulis ulasan penyeliaan dalam Borang PR1, PR2 dan buku rancangan pengajaran menggunakan Bahasa Inggeris. Hal ini selari dengan *Common European Framework of Reference for Languages (CEFR)*.
- Penggunaan Bahasa Inggeris oleh pensyarah penyelia memberi peluang kepada pelajar untuk memantapkan kemahiran berbahasa mereka dan berkeyakinan menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa interaksi kedua untuk komunikasi secara bermakna.

3.5 Bahasa Inggeris Sebagai Medium Instruksional

- Pengajaran bagi tunjang-tunjang tertentu yang melibatkan tuntutan penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa instruksional berlaku di prasekolah semasa Praktikum Prasekolah. Ini tertakluk kepada jadual waktu prasekolah yang terlibat. Sebagai contoh, pengajaran untuk Tunjang Matematik Awal menggunakan Bahasa Inggeris berdasarkan interaksi dalam jadual waktu.
- Pensyarah penyelia perlu menulis ulasan penyeliaan dalam Borang PR1, PR2 dan rancangan pengajaran menggunakan Bahasa Inggeris sekiranya pelajar menyediakan rancangan pengajaran dalam Bahasa Inggeris.
- Penggunaan Bahasa Inggeris oleh pensyarah penyelia memberi peluang kepada pelajar untuk memantapkan kemahiran mereka sejajar dengan tuntutan kurikulum semasa.

3.6 Syarat Kelayakan Penyeliaan Praktikum PAKK

- Pensyarah penyelia untuk pelajar PAKK perlu dilantik dalam kalangan pensyarah bidang PAKK.
- Jika pensyarah bidang PAKK tidak mencukupi, pensyarah bukan bidang boleh dilantik menjadi penyelia praktikum namun pihak IPG kampus perlu memastikan pensyarah yang mempunyai kelayakan terhampir yang dipilih.
- Bagi pensyarah bukan bidang PAKK atau pensyarah baharu dalam bidang PAKK perlu menjalani kursus kurikulum PAKK, kursus *mentoring*, mengikuti taklimat praktikum PAKK dan melalui proses pementoran penyeliaan bersama pensyarah bidang PAKK di IPG kampus terlibat sebelum mereka menjalankan penyeliaan secara bersendirian.

3.7 Penyediaan Dokumen Praktikum

Pelajar perlu menyediakan dokumen praktikum dengan lengkap bagi setiap minggu:

- Praktikum TASKA:
 - i. 1 Rancangan Pelaksanaan Aktiviti Mingguan (RPAM)
 - ii. 2 Rancangan Pelaksanaan Aktiviti Harian (RPAH)
 - iii. 4 slot Rancangan Pelaksanaan Aktiviti (RPA)
 - iv. 4 rutin ditulis dalam buku persediaan mengajar
 - v. Membantu melengkapkan Buku Log Harian untuk 2 hari penuh praktikum.
- Praktikum Prasekolah:
 - i. 1 Rancangan Pengajaran Mingguan (RPM)
 - ii. 1 web aktiviti
 - iii. 2 Rancangan Pengajaran Harian (RPH)
 - iv. 6 Rancangan Pengajaran Slot (RPS).
 - vi. 2 aktiviti rutin dalam buku persediaan mengajar
- Kesemua dokumen yang perlu disediakan seperti di Jadual 5.1:

Jadual 3.4: Dokumen yang Perlu Disediakan Setiap Minggu Sepanjang Tempoh Praktikum

Praktikum	RPAM/RPM	RPAH/RPH	RPA/RPS	Keperluan Lain
Praktikum TASKA	1 RPAM	2 RPAH	4 RPA	<ul style="list-style-type: none"> • 2 rutin • Buku Log Harian kanak-kanak untuk 2 hari penuh • Laporan peranan-peranan lain. • Portfolio
Praktikum Prasekolah	1 RPM 1 web aktiviti	2 RPH	6 RPS	<ul style="list-style-type: none"> • 2 rutin • Laporan peranan-peranan lain. • Portfolio

Petunjuk:

RPM RPAM	Rancangan Pengajaran Mingguan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti Mingguan	RPH RPAH	Rancangan Pengajaran Harian Rancangan Pelaksanaan Aktiviti Harian
RPA	Rancangan Pelaksanaan Aktiviti	RPS	Rancangan Pengajaran Slot

3.8 Peranan-peranan Lain.

Pelajar perlu melaksanakan peranan dan tanggungjawab yang diberi bagi memenuhi keperluan TASKA atau prasekolah dengan cekap, bersungguh-sungguh dan penuh tanggung jawab. Peranan lain adalah seperti membantu dalam pengurusan aktiviti di TASKA dan prasekolah seperti;

- lawatan,
- sukaneka,
- aktiviti luar,
- aktiviti bersama-sama komuniti, dan lain-lain

3.9 Rumusan Agihan dan Wajaran bagi Bimbingan, Penyeliaan dan Markah Mengikut Sesi Praktikum

- Agihan dan wajaran bimbingan, penyeliaan dan markah praktikum bagi kedua-dua sesi ditunjukkan dalam Jadual 7.1, Jadual 7.2 dan Jadual 7.3.
- Prinsip pemarkahan juga secara ansur maju berdasarkan perkembangan kemahiran pelajar sepanjang tempoh praktikum.

Jadual 3.5: Agihan Keseluruhan Bimbingan Praktikum TASKA dan Prasekolah

Kursus	IPG/ Sekolah	Lawatan Sosial	Bimbingan (Bs)	Bilangan Bimbingan	Penyeliaan	Bilangan Penyeliaan
Praktikum TASKA	IPG	1	1 (borang PR1)	1	1P+1PB (borang PR2)	2
	TASKA	-	1 (borang PR1)	1	1PB	1
Praktikum Prasekolah	IPG	1	1 (borang PR1)	1	2P+1PB (borang PR2)	3
	Prasek	-	2 (borang PR1)	2	1PB	1

Jadual 3.6: Agihan Markah dan Wajaran Sepanjang Praktikum TASKA dan Praktikum prasekolah

	Agihan					Jumlah
	P1	PB1	P2	P3	PB2	
Wajaran (%)	20	10	20	20	30	100
Markah	20	10	20	20	30	100

* P1, P2, PB = PR2

Jadual 3.7: Wajaran Penyeliaan Praktikum Keseluruhan

Praktikum	Kursus	IPG	Sekolah	Wajaran
Praktikum TASKA & Praktikum Prasekolah	Bidang Teras (100%)	Lawatan Sosial	-	-
		Bimbingan & Penyeliaan	-	-
		Penyeliaan 1 (100%)	-	20%
		Penyeliaan 2 (100%)	-	20%
		Penyeliaan 3 (100%)	-	20%
		Penyeliaan Bersama	Penyeliaan Bersama	40%
		Jumlah		100%

3.10 Kes-kes Khas

Kes-kes khas perlulah dilaporkan kepada unit praktikum dan dirujuk kepada pihak IPGM.

Contoh kes khas ialah pelajar tidak dapat menamatkan praktikum tepat pada masanya. Maka pelajar perlu mengulang semula praktikum mengikut prosedur yang ditetapkan. Jika terdapat kes-kes yang memungkinkan pelajar tidak dapat hadir ke sekolah disebabkan ketiadaan murid/kanak-kanak seperti pandemik maka pelajar boleh:

- i. Menangguhkan praktikum sehingga keadaan membenarkan; dan
- ii. Merujuk dokumen alternatif terkini/semasa seperti:
 - Garis Panduan Pelaksanaan dan Pentaksiran Alternatif Amalan Profesional Bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Institut Pendidikan Guru Malaysia Tahun 2020
 - *MQA Advisory Note 4/2020*
 - *MQA Advisory Note 5/2020*